

U 8387 BAH
MAHATHIR - ISLAM
(I)

KUALA LUMPUR, 4 OGOS (BERNAMA) -- DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD MENCINGATKAN PEMIMPIN-PEMIMPIN ISLAM SUPAYA BERKHIDMAT UNTUK KEPENTINGAN ISLAM SECARA KESELURUHANNYA PADA SETIAP MASA DAN BUKANNYA UNTUK GOLONGAN-GOLONGAN ATAU MAZHAB TERTENTU SAHAJA.

PERDANA MENTERI MENEGASKAN BAHAWA MEREKA YANG BERHASRAT UNTUK MENJADI PEMIMPIN ISLAM TIDAK SEHARUSNYA MEMECAHBELAHKAN PERPADUAN ORANG-ORANG ISLAM, TETAPI SEBALIKNYA BERUSAHA MENINGKATKAN PERPADUAN DI KALANGAN MEREKA.

KATANYA, MEREKA PERLULAH SEDAR BAHAWA ISLAM DAN ORANG-ORANG ISLAM BUKANLAH SERUPA, DAN MENAMBAH BAHAWA ORANG-ORANG ISLAM RAMAI DAN SESETENGAH DARIPADA MEREKA BERTELAGAH ANTARA SATU SAMA LAIN.

+TETAPI AGAMA ISLAM HANYA SATU. KITA MESTILAH BERKHIDMAT UNTUK KEPENTINGAN ISLAM, AGAMA YANG KITA PERCAYAAI DAN ANUTI,+ KATA DATUK SERI DR MAHATHIR DALAM PERUTUSANNYA PADA BUKU CENDERAMATA KURSUS LATIHAN KEPIMPINAN ISLAM ANTARABANGSA YANG BERMULA HARI INI.

KURSUS ITU, YANG DIADAKAN DI INSTITUT AMINUDDIN BAKI, SRI LAYANG, DEKAT SINI SEHINGGA 20 OGOS INI, DIHADIRI OLEH PEMIMPIN-PEMIMPIN MUDA MASYARAKAT ISLAM DARI 22 NEGARA. -- LAGI
1427MST 04 08 89

U 8388 BAH
MAHATHIR - ISLAM 2 PETALING JAYA

PERDANA MENTERI JUGA BERKATA ADALAH PENTING UNTUK MENGINGATKAN BAKAL-BAKAL PEMIMPIN BAHAWA TANGGUNGJAWAB MEREKA IALAH UNTUK MEMBIMBING, MANAKALA MEREKA YANG LAIN BERKHIDMAT UNTUK DIPIMPIN.

+PERKHIDMATAN IALAH ASAS KEPIMPINAN= PERKHIDMATAN UNTUK KEPENTINGAN GOLONGAN YANG MEREKA PIMPIN,+ TAMBAHNYA

DATUK SERI DR MAHATHIR JUGA MENEGASKAN TENTANG PERLUNYA MASYARAKAT ISLAM MELATIH DAN MELAHIRKAN PEMIMPIN-PEMIMPIN DAN MEMBEKALKAN MEREKA DENGAN KUALITI YANG AKAN MEMPASTIKAN BUKAN SAHAJA KEJAYAAN MEREKA TETAPI MEREKA MEMBIMBING MENGIKUT JALAN YANG BETUL.

KATANYA, SUDAH JELAS SEKALI KEPADA SEMUA ORANG ISLAM BAHAWA MASYARAKAT MEREKA SEKARANG TIDAKLAH BEGITU DINAMIK SEPerti PADA ZAMAN KEGEMILANGAN ISLAM DAHULU.

SALAH SATU SEBAB YANG MENGAKIBATKAN KELEMAHAN ITU IALAH KEPIMPINAN YANG LEMAH. -- BERNAMA

1429MST 04 08 89